

PENCAPAIAN



BERKEBOLEHAN: Cik Nur Yusrina Ya'akob ketika berada di *base camp* di Gunung Everest. Beliau merupakan wanita Melayu/Islam Singapura pertama berjaya menjejakkan kaki di puncak gunung tertinggi dunia itu. – Foto ihsan NUR YUSRINA YA'AKOB

WANITA MELAYU/ISLAM PERTAMA TAWAN EVEREST

Mei: Cik Nur Yusrina Ya'akob berjaya mengatasi cabaran mental, fizikal dan cuaca tidak menentu, sekali gus mencipta sejarah sebagai wanita Melayu/Islam Singapura pertama mencapai puncak Gunung Everest – gunung tertinggi di dunia pada ketinggian 8,848 meter di atas paras laut.

“Saya harap pencapaian saya memberi inspirasi kepada yang lain agar sentiasa berusaha mencapai impian mereka, tidak kira seberapa besar pun,” kata Cik Yusrina, yang ketika itu merupakan guru pelatih yang mengikuti program Diploma Pos Ijazah dalam Pendidikan Jasmani di Institut Pendidikan Nasional (NIE). Beliau merupakan sebahagian daripada pasukan NTU-NIE Everest Team Singapore.